

27 JUN 2002

UMNO KELANTAN JANJI RAMPAS KERAJAAN NEGERI SEBAGAI HADIAH KEPADA DR MAHATHIR

KOTA BAHARU, 27 Jun (Bernama) -- Umno Kelantan berjanji untuk merampas kembali kerajaan Kelantan daripada Pas pada pilihan raya umum akan datang sebagai hadiah istimewa kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bersetuju untuk terus memimpin Umno dan kerajaan Barisan Nasional sehingga tahun depan.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Mustapa Mohamed berkata janji Umno Kelantan itu juga sebagai tanda terima kasih kepada Dr Mahathir kerana bersetuju melantik Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai pengganti.

"Kita memberi komitmen yang penuh untuk merapatkan kembali barisan dan bekerja bersungguh-sungguh bagi merampas kembali Kelantan daripada pembangkang, sebagai hadiah istimewa kepada pemimpin kita," katanya.

Janji itu adalah antara ketetapan yang terkandung dalam usul sokongan terhadap Dr Mahathir dan Abdullah yang diluluskan sebulat suara pada perjumpaan khas anggota jawatankuasa Puteri Umno, Wanita, Pemuda dan Badan Perhubungan Umno Negeri di sini hari ini.

Mustapa berkata bagi memenuhi janji berkenaan, Umno Kelantan sedang mengatur strategi untuk memperkukuhkan barisan kepimpinan dan mendapatkan lebih banyak sokongan daripada rakyat.

Beliau juga berkata Konvensyen Umno dan BN Kelantan akan diadakan dalam tempoh terdekat ini bagi mengatur strategi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

-- BERNAMA

BD MAI